

**NO SOALAN :45**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN SIM CHEE KEONG  
(BUKIT MERTAJAM)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 28.11.2017**

**Y.B. TUAN SIM CHEE KEONG [ BUKIT MERTAJAM ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah cukai yang dikutip mengikut jenis dan negeri dari tahun 2008-2016 dan masukkan GST selepas tahun pengenalannya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, hasil kutipan cukai Kerajaan Persekutuan yang dikutip di semua negeri bagi tempoh 2008 hingga 2016 adalah berjumlah RM1.3 trilion. Daripada jumlah tersebut, RM1 trilion adalah kutipan cukai langsung manakala kutipan cukai tidak langsung adalah sebanyak RM0.3 trilion.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, jumlah kutipan hasil di atas adalah kutipan kasar iaitu tidak mengambil kira pulang balik cukai. Kutipan hasil cukai pendapatan tidak menggambarkan pendapatan tersebut dihasilkan daripada negeri yang berkenaan. Ini kerana kutipan cukai dibuat berdasarkan alamat pembayar cukai yang terdapat dalam rekod Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Jabatan Kastam Di Raja Malaysia (JKDRM). Sebagai contoh, terdapat syarikat yang beroperasi di sesebuah negeri tetapi membayar cukai di Kuala Lumpur atau di tempat lain kerana ibu pejabat berada di tempat tersebut.